

HIU 225 – Pendidikan Nilai-Nilai Murni Dari Perspektif Islam


[Masa: 3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan daripada soalan-soalan berikut. DUA [2] soalan dari setiap bahagian A dan B.

Bahagian A:

1. Dengan berpandukan kepada gambarajah di bawah, huraikan proses pembinaan peribadi menurut ilmu kerohanian Islam.



2. Menurut pandangan para sufi, ilmu Fiqh lebih tertumpu kepada aspek luaran (zahir) daripada ajaran-ajaran Islam, sebaliknya ilmu Tasawwuf lebih mementingkan aspek dalaman (batin). Huraikan pernyataan ini dengan memberi penekanan kepada keperluan pembersihan hati.

3. Perangkaan menunjukkan bahawa fenomena keruntuhan akhlak di kalangan anak-anak muda Malaysia masakini semakin serius ke tahap yang amat membimbangkan. Huraikan faktor-faktor yang menimbulkan fenomena ini dan cara-cara mengatasinya.

**Bahagian B:**

4. Hati merupakan pusat kesedaran manusia yang juga sebagai wadah bagi pelbagai sifat terpuji dan terkeji. Berdasarkan pernyataan ini bincangkan 2 daripada perkara-perkara berikut:
  - [a] Situasi hati sebagaimana yang dinyatakan di dalam al-Qur'an dan al-Hadith.
  - [b] Kaedah yang terbaik bagi pembinaan syahsiah.
  - [c] Cara Rasul Allah s.a.w. mengubati penyakit-penyakit hati masyarakat Jahiliyyah.
5. Aqidah Tawhid yang tulen membantu kemantapan ibadah. Berdasarkan pernyataan ini, bincangkan 2 daripada perkara-perkara berikut:
  - [a] Hubungan antara aqidah Tawhid dan kerohanian Islam.
  - [b] Al-Qur'an dan al-Sunnah adalah sumber-sumber yang sahih bagi penghayatan nilai-nilai murni.
  - [c] Ibadah-ibadah khusus di dalam Islam merupakan asas kekuatan pembinaan syahsiah Islamiyah.
6. Penghayatan nilai-nilai murni adalah suatu tuntutan yang amat perlu dalam kehidupan ummah. Bincangkan 3 daripada nilai-nilai berkenaan berdasarkan kepada dalil-dalil al-Qur'an dan al-Hadith.

--oo00oo--